

NO SOALAN :92

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
(JELEBU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan fundamental ekonomi negara dan kaitannya dengan tahap hutang negara berbanding dengan KDNK yang dikatakan berada pada paras yang tinggi berbanding dengan beberapa buah negara lain di dunia dan boleh meletakkan ekonomi negara dalam keadaan tergugat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan fundamental ekonomi negara adalah kukuh dan mampu menyokong tahap hutang negara berbanding dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Ini kerana

struktur ekonomi negara mempunyai asas kepelbagaian yang luas dengan disokong oleh kekuahan daya tahan dalaman serta asas-asas ekonomi yang mampan seperti kadar penganguran, inflasi, tabungan negara serta kedudukan rizab antarabangsa.

2. Prestasi ekonomi negara terus berkembang kukuh meskipun berhadapan dengan kejatuhan harga minyak yang ketara pada suku keempat 2014. KDNK mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 6 peratus pada tahun 2014 (2013: 4.7%). Momentum pertumbuhan yang cergas ini terus dicatat pada suku pertama 2015 dengan KDNK sebanyak 5.6 peratus (S4 2014: 5.7%) dipacu oleh kecergasan aktiviti permintaan domestik. Pelaburan swasta pada harga semasa mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 13.6 peratus kepada RM51.5 bilion. Sementara itu, pelaburan langsung asing terus mencatat aliran masuk bersih yang menggalakkan sebanyak RM10.2 bilion. Penggunaan swasta turut berkembang kukuh pada kadar 7.8 peratus didorong oleh peningkatan pendapatan boleh guna berikut pasaran buruh yang stabil dalam tempoh suku pertama 2015.

3. Dalam pada itu, ekonomi negara terus berdaya tahan. Kedudukan ini disokong oleh asas-asas ekonomi seperti kadar penganguran yang rendah iaitu 3.1 peratus dalam tempoh suku pertama 2015. Sementara itu, kadar inflasi berada pada paras terkawal dengan Indeks Harga Pengguna meningkat sebanyak 0.9 peratus dalam tempoh empat bulan pertama 2015. Pada 15 Mei 2015, kedudukan rizab antarabangsa Malaysia kekal kukuh pada RM393.4 bilion atau USD106.2 bilion, yang mencukupi untuk menampung 8 bulan import tertangguh dan 1.1 kali lebih tinggi daripada hutang luar negeri jangka pendek. Ini adalah berikutan sentimen pelabur yang bertambah baik. Seterusnya, kadar tabungan negara pula adalah 30% daripada Pendapatan Negara Kasar (GNI). Sistem perbankan dan kewangan negara pula kekal kukuh untuk terus menyokong kegiatan ekonomi.

4. Hutang Kerajaan Persekutuan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 adalah sebanyak RM582.8 bilion atau 52.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 97.1 peratus atau RM566.1 bilion adalah hutang domestik, sementara bakinya RM16.8 bilion atau 2.9 peratus merupakan pinjaman

luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

5. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55 peratus daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus akan dapat memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh, justeru negara sentiasa berada dalam kedudukan yang teguh bagi menghadapi sebarang krisis.